**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
***MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA***
Bahagian Pengurusan Latihan
*Training Division*
Aras 3 dan 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8885 0748
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 500/3/4/10 Jld. 10 ( 9 )
Tarikh : 6 September 2023

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Datuk /Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGUMUMAN TAWARAN MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA BAGI SESI 2024/2025 DI BAWAH PENAJAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DENGAN KEMUDAHAN:**

**i) CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) DENGAN/TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP)/CUTI BELAJAR TANPA GAJI (CBTG) BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN TETAP; DAN**

**ii) PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN (PLK) DENGAN BIASISWA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempelawa pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada pegawai-pegawai lantikan tetap/kontrak KKM termasuklah Badan Berkanun Persekutuan (Pihak Berkuasa Peranti Perubatan sahaja) yang memenuhi syarat-syarat permohonan bagi mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi Sesi 2024/2025. Pegawai boleh mengemukakan permohonan dengan **memilih hanya satu jenis tawaran sahaja** daripada senarai yang berikut:

| JENIS TAWARAN | KETERANGAN | TARIKH PERMOHONAN DIBUKA |
|---|---|---|
| **TAWARAN A** | **SARJANA PERGIGIAN**<br><br>i) Pegawai Pergigian Tetap – **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan/Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); dan**<br><br>ii) Pegawai Pergigian Kontrak – **Program Latihan Kepakaran (PLK) Dengan Biasiswa.** | **11 September hingga 9 Oktober 2023** |

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED IQNet MANAGEMENT SYSTEM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 01948

| JENIS TAWARAN | KETERANGAN | TARIKH PERMOHONAN DIBUKA |
|---|---|---|
| TAWARAN A | **SARJANA (SELAIN PERUBATAN)/Ph.D**<br><br>Terbuka kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Gunasama Lantikan KKM) termasuklah Badan Berkanun Persekutuan (Pihak Berkuasa Peranti Perubatan sahaja) untuk kategori Cuti Belajar berikut:<br><br>i) **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan HLP;**<br><br>ii) **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa HLP;**<br><br>iii) **Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP; atau**<br><br>iv) **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)/Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa HLP dengan Tajaan Luar.** | **11 September hingga 9 Oktober 2023** |
| TAWARAN B | **SARJANA PERUBATAN**<br><br>i) Pegawai Perubatan Tetap – **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP**<br><br>ii) Pegawai Perubatan Kontrak – **Program Latihan Kepakaran (PLK) Dengan Biasiswa** | **2 hingga 30 Oktober 2023** |
| TAWARAN C | **SUBKEPAKARAN/*AREA OF INTEREST* (PERUBATAN)**<br><br>Pegawai Perubatan Pakar – **Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan HLP** | **2 hingga 30 Oktober 2023** |
| TAWARAN D | ***PARALLEL PATHWAY***<br><br>i) Pegawai Perubatan Tetap – **HLP**<br><br>ii) Pegawai Perubatan Kontrak – **Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa** | **2 hingga 30 Oktober 2023** |

3. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh diakses melalui Sistem eHLP KKM di laman sesawang: **http://ehlp.moh.gov.my**. Permohonan bagi **Tawaran A, B dan D akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya** manakala permohonan bagi **Tawaran C adalah secara manual.** Tarikh permohonan dibuka adalah seperti yang ditetapkan pada Perenggan 2 di atas. Keputusan calon berjaya dijangka akan diumumkan pada bulan April/Mei 2024 melalui Sistem eHLP KKM setelah semua urusan saringan selesai dan dimuktamadkan (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa).

4. Pegawai yang bercadang untuk memohon **CBBP Tanpa HLP dan CBTG (dengan Tajaan Sendiri/ Tajaan Luar/ Biasiswa Asing) bagi Sesi 2024/2025 diwajibkan untuk memohon melalui penawaran iklan sahaja. Permohonan yang dibuat di luar iklan penawaran adalah tidak dibenarkan** selaras dengan surat KSU KKM rujukan KKM.500-3/4/9 Jld.22 (26) bertarikh 27 Januari 2022 iaitu Tatacara Permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP Dengan Tajaan/ Biasiswa Asing Bagi Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pegawai Perubatan dan Pergigian Lantikan Tetap (Bukan Gunasama) di KKM.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOOR AINI BINTI AHMAD)**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Salinan Kepada:**

1) KSU
2) KPK
3) TKSU (K)
4) TKSU (P)
5) SUSK YBMK
6) SUSK YB TMK

**Senarai Edaran**

1) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

2) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

3) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

4) Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

5) Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi

6) Pengarah Kanan
Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan

7) Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

8) Pengarah
Bahagian Kejururawatan

9) Semua Pengarah Kesihatan Negeri

10) Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

11) Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan KKM

12) Ketua Profesion Pengajar KKM